



**KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER  
ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2022**

**(KUALA LUMPUR INTERNATIONAL MASTERS  
ATHLETICS CHAMPIONSHIPS 2022)**

**LAPORAN**

**3 – 4 DISEMBER 2022  
STADIUM UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

## **PENDAHULUAN**

### **(INTRODUCTION)**

Kejohanan Olahraga Master Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 telah berlangsung dengan jayanya pada :

Tarikh : 3 – 4 Disember 2022  
Hari : Sabtu dan Ahad  
Masa : 7.00 pagi – 6.00 petang  
Tempat : Stadium Universiti Malaya  
Kuala Lumpur, Malaysia

Ini merupakan kali kedua kejohanan olahraga master dianjurkan oleh Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) dalam tahun ini.

*(Kuala Lumpur International Masters Athletics Championships were held successfully on 3 – 4 December 2022, at Stadium University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. This is the second masters athletics championships organised by Malaysian Masters Athletic Association in this year).*

## **PESERTA**

Seramai 650 orang peserta yang terdiri daripada umur 35 tahun dan ke 93 tahun dari dalam negara dan luar negara telah menyertai dalam kejohanan ini. Sebanyak 12 negara luar telah menyertai dalam kejohanan ini seperti berikut: Singapura, Indonesia, Sri Lanka, India, Korea Selatan, Hong Kong, Ireland, Pakistan, Philippines, Uzbekistan, Brunei Darussalam dan Malaysia

*(650 participants from Malaysia and 12 other following countries took part in this championships – including a few former Malaysian International athletes and ex Olympians : Singapore, Indonesia, Sri Lanka, India, South Korea, Hong Kong, Ireland, Pakistan, Philippines, Uzbekistan and Brunei Darussalam ).*

## **PENDAFTARAN DAN MESUARAT PENGURUS PASUKAN**

Semua peserta dan pasukan telah mendaftar dan mengutip nombor pada 2 Disember 2022, mulai jam 2.00 petang, di Stadium Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Semua peserta telah dibekalkan dengan Senarai nama peserta, buku cenderamata, Sijil Penyertaan dan nombor peserta.

Mesyuarat Pengurus Pasukan telah diadakan pada 2 Disember 2022, jam 5.00 petang, di bilik mesyuarat , aras bawah , stadium universiti. Mesyuarat telah diikuti dengan jamuan ringan untuk semua pengurus pasukan.

*(Nombor collection was held on 2nd December 2022 from 2.00 pm. Team Managers' Meeting was held on the same day at 5.00 pm followed by Hi Tea for all Team Managers).*

## **TETAMU**

Beberapa orang tetamu khas seperti Timbalan Presiden Asia Master Athletics (AMA), Encik A. Kannan dari Singapura, Encik Merari Nainggolan dari Indonesia; Ahli Majlis Tertinggi AMA, Encik H.A. Upali dari Sri Lanka dan Encik Musashi dari Indonesia, Presiden Persatuan Olahraga WP Kuala Lumpur, YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran; Setiausaha Persatuan Olahraga Perlis, Encik M. Iyaru dari Perlis merupakan di antara beberapa orang tetamu yang telah menghadiri dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Selain daripada itu Presiden-presiden, Setiausaha-setiausaha kehormat dari Persatuan-persatuan Olahraga Master Negeri juga telah turut hadir.

*(Among the guests who attended were Mr. A. Kannan from Singapore and Mr. Merari Nainggolan from Indonesia - VP Asia Masters Athletics, Mr. H.A. Upali from Sri Lanka and Mr. Musashi from Indonesia – Technical Committee Members Asia Masters Athletics )*

## **PERJALANAN KEJOHANAN**

Walaupun cuaca di negara kita dikatakan tidak baik dan hujan lebat akan turun, tetapi pada dua hari kejohanan, cuaca tidak menganggu perjalanan kejohanan. Dengan izin dan perestuan Tuhan kejohanan telah berlangsung seperti yang dijadualkan tanpa sebarang gangguan.

Semua acara telah berlangsung dengan licin dan Upacara Penyampaian Hadiah telah berlangsung sepanjang 2 hari. Sebanyak 750 hadiah telah disampaikan. Semua hadiah telah disampaikan selepas sahaja acara tamat.

*(The championships was conducted well throughout the 2 days, and about 750 over medals were presented during the 2 days. The weather was fine and did not disrupt the competition).*

## **ANUGERAH KHAS**

### **1) ANUGERAH CENDERAMATA KEPADA PARA SUKARELAWAN POMM**

Beberapa orang sukarelawan yang pada setiap tahun membantu POMM dalam penganjuran kejohanan ini lebih daripada 10 tahun, telah diberi penghargaan dan penghormatan atas komitmen dan kestiaan mereka kepada persatuan kami. Mereka ini sentiasa menunjukkan dedikasi dan semangat yang tinggi dalam membantu persatuan.

Berikut adalah penerima anugerah cenderamata:

1. ***Encik Selamat bin Sarif***
2. ***Encik N. Rajasvaran***
3. ***Dr. V. Mohanadas***
4. ***Puan V. Mohana Sundari***
5. ***Sjn. Major (B) GP Balan***
6. ***Encik S. Murali***
7. ***Puan M. Kamala Veni***
8. ***Puan Zalina bt Zulkeflee***
9. ***Encik Lee Thoo Hai***
10. ***Dr. Boon Pong Ying***
11. ***Encik C. Chinathamby***

12. **Puan Hjh Jamaliah bt Mohamed**
13. **Encik Chellappa Munusamy Naidu**
14. **Encik S. Muregesu**
15. **Encik G. Raman**
16. **Dr. Jeya Velu**

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Penaung POMM, **YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran.**

Presiden POMM telah menyampaikan cenderamata kepada Penaung POMM yang sentiasa membantu POMM dalam semua aktivitinya.

*(Every year during Malaysian Masters Athletics Championships, MMAA will be presenting special awards to oldest participants, senior technical officials, Ex Olympians etc. This year MMAA awarded special awards to the volunteers who have been with MMAA for more than 10 years helping in organising this championships)*

## **2. ANUGERAH KHAS UNTUK PESERTA WANITA TERTUA**

**Marietje Elizabeth Rorek dari Indonesia**

Berusia 90 tahun, dan mengambil bahagian dalam 3 acara.

*(Special souvenir to the oldest woman participant from Indonesia)*

## **3. ANUGERAH KHAS UNTUK MRS GLAMOUR**

**LOOK OF THE YEAR EARTH 2022**

Atlet master **Rita Thong**, berusia 50 tahun dari Perak telah menerima anugerah tersebut di atas sebagai Mrs Glamour di Manila Philippines dalam acara Antarabangsa dikelolakan oleh Glam Pageant Organisation (GPO). Untuk mengenangkan kecemerlangan beliau, POMM telah menyampaikan cenderamata serta membuat pengumuman kepada para hadirin tentang pencapaian cemerlang beliau.

*(Sepecial souvenir to Mrs Rita Thong , 50 year old master athlete from Malaysia who has been crowned as the Mrs Glamour Look of the Year Earth 2022, in Manila, Philippines)*

#### **4. CENDERAMATA KEPADA KONTINJEN TERBESAR**

Timbalan Presiden SAMAS dan Ketua Kontinjen dari Sabah (Sabah Masters Athletics Association), **Puan Maryem Joinol** telah diberi cenderamata oleh Presiden POMM, kerana menghantar kontinjen terbesar pada setiap kali kejohanan ini dianjurkan. Syabas kepada SAMAS.

#### **HADIAH – PINGAT**

Pada tahun ini pihak pengajur POMM telah menyediakan pingat yang sangat disukai dan diminati oleh semua peserta. Pingatnya sedikit berbeza daripada yang biasa diberi, dibuat khas dari negara China. Semua peserta yang menerima pingat sangat gembira menerimanya.

#### **ACARA MEDLEY**

Pada tahun ini satu acara baharu telah diperkenalkan. Acara medley ini adalah acara lari berganti-ganti oleh 4 orang pelari dalam satu pasukan. Cuma jarak yang perlu dilari adalah 200m, 200m, 400m, dan 800m. Acara ini telah menerima sambutan yang baik dari kalangan atlet master.

#### **UPACARA PENUTUPAN**

Pada hari kedua kejohanan, jam 5.30 petang upacara penutupan telah diadakan secara tidak formal di stadium, dan penyampaian hadiah kepada pemenang dalam acara 3000m Lelaki, acara 4 x 100m dan 4 x 400m. Upacara Penyampaian telah disempurnakan oleh Presiden POMM, **Encik S. Sivapragasam**, dan Timbalan Presiden **Encik Selamat bin Sarif**.

*(A simple closing ceremony was held at 5.30 pm with the presentation of prizes to the winners in the 3000m Men, 4 x 100m and 4 x 400m relays, by the President and the Deputy President of MMAA).*

## **ULASAN**

Ramai atlet dan pegawai yang menyertai dalam kejohanan ini sangat puas hati dan gembira dengan penganjuran kejohanan. Mereka sangat tertarik dengan pingat dan penyampaian hadiah, serta perjalanan semua acara mengikut masa. Kata-kata pujian daripada atlet dan pegawai-pegawai pasukan memberi semangat kepada pihak penganjur.

Peserta-peserta dari luar negara mengucapkan terima kasih kerana menganjur and menjemput mereka untuk mengambil bahagian. Mereka sangat berpuas hati dengan penganjuran kejohanan ini.

Beberapa performan yang dilakukan oleh atlet-atlet master adalah sangat mengagumkan dan menunjukkan betapa serious atlet-atlet master dalam penyertaan dalam kejohanan ini.

Kejohanan Olahraga master semakin menjadi popular dan menarik ramai peserta. Penyertaan dalam kejohanan meningkat dari tahun ke tahun.

Walaupun kejohanan ini dianjurkan oleh POMM kali kedua di Malaysia dalam tahun ini (yang pertama pada bulan Mei 2022), sambutan dari para atlet adalah sangat baik untuk kejohanan kedua ini. Kejohanan olahraga master yang dianjurkan oleh POMM sangat digemari oleh atlet master tempatan dan luar negara

Prestasi atlet master juga meningkat dari masa ke semasa. Ada masanya performan atlet master menyamai dan mengatasi performan atlet negara.

*(Athletes and officials who participated in this championships were very happy with the organisations. Although this championships is the 2nd championships organised by MMAA this year, the first one in May 2022, the response for this championships is very good. They congratulated the organisers for a job well done. They also expressed their sincere thanks for creating opportunity for the master athletes. They are very keen to take part in the next year championships.)*

*Masters athletics becoming very popular in Malaysia. The participation is increasing from year to year. Participants from foreign countries were very thankful and glad that they were given opportunity to participate in this championships. It is really amazing to watch the senior athletes participating with full sportsmanship spirit and enjoying their fullest during the championships.)*

## **SEMANGAT KESUKANAN**

Terima kasih kepada semua Persatuan Olahraga Master negeri, semua peserta dan pasukan yang telah menyertai dalam kejohanan ini dengan semangat kesukunan yang tinggi. Semua peserta telah menunjukkan sikap bekerjasama, perpaduan dan toleransi yang amat tinggi.

*(Malaysian Masters Athletic Association - MMAA, expresses our appreciation to all participants from all the states and countries who took part and exhibited sporting spirit throughout the championships. Master athletes have always been good examples to younger generation).*

## **UCAPAN TERIMA KASIH**

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Persatuan Olahraga WP Kuala Lumpur, Universiti Malaya, dan Persatuan Kecemasan Sukarelawan Malaysia WP atas bantuan dan sokongan dalam menjayakan kejohanan ini.

Ucapan terima kasih khas dan penghargaan kepada **YB Datuk Seri Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)** kerana menjadi Penaung kejohanan serta memberi kata alu-aluan. Terima kasih ke atas sokongan dan bantuan kepada POMM.

Terima kasih kepada semua pasukan dari luar negara dan dalam negara kerana mengambil bahagian dengan penuh semangat kesukaran serta memberi kerjasama dalam menjayakan kejohanan ini. Bantuan , sokongan dan kerjasama ini telah membantu menjayakan usaha kami demi kesejahteraan atlet master untuk kali kedua dalam tahun 2022.

***S. Sivapragasam, AMW  
Presiden  
POMM  
12 Disember 2022***

**KUALA LUMPUR INTERNATIONAL MASTERS ATHLETICS CHAMPIONSHIPS 2022  
PHOTOS**



**60+ and 65+ ATHLETES READY FOR ACTION**



**THROWERS ARE READY FOR ACTION**




**WOMEN ATHLETES READY FOR RELAY EVENT**





## VICTORY CEREMONY







**MMAA VOLUNTEERS WITH THEIR SPECIAL AWARDS FROM MMAA**



**AWARD TO THE OLDEST WOMAN PARTICIPANT FROM INDONESIA  
MARIETJE ELEZABETH ROREK, 90 YRS**



**SAMAS DEPUTY PRESIDENT, MS MARYEM JOINOL RECEIVING THE AWARD FOR LARGEST CONTINGENT**



**MRS GLAMOUR INTERNATIONAL 2022, RECEIVING SOUVENIR from MMAA PRESIDENT, MR. S. SIVAPRAGASAM**



## KONTINJEN-KONTINJEN



## MEDALS FOR THE WINNERS



WOMEN RELAY TEAM PARTICIPANTS

